

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

PERATURAN 7(a)

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (M.13-14 EB.15)
(OPTOMETRY)**

**KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**TARIKH IKLAN: 25 JUN 2025
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 09 JULAI 2025
BILANGAN IKLAN: 2025/JUN/02/KKS**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (*OPTOMETRY*)
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)
KEKOSONGAN = ENAM (06)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Optometry* atau bidang bersesuaian.
2. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau pengalaman kerja dalam bidang *Allied Health Professional* yang diiktiraf dan disahkan oleh Lembaga-Lembaga Profesional kesihatan adalah kelebihan.
3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk berdaftar dengan Lembaga-Lembaga Profesional Kesihatan jika diperlukan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan pemeriksaan mata kepada pesakit-pesakit yang mempunyai masalah penglihatan termasuk yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan, Pakar Mata dan Pegawai Ortoptik;
2. Memberi preskripsi kaca mata atau alat bantu penglihatan yang bersesuaian bila diperlukan;
3. Menjalankan pemeriksaan '*Cycloplegic Refraction*' jika perlu, terutama bagi anak-anak damit dan kanak-kanak;
4. Memeriksa pesakit-pesakit sebelum dan selepas pembedahan mata atau rawatan mata;
5. Mengawasi dan mengajar pegawai dan kakitangan yang dibawah tanggungjawab masing-masing;
6. Bersedia untuk bertugas secara tetap di mana-mana daerah yang ditempatkan;
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diberi oleh Ketua Perkhidmatan atau pegawai atasaran lain;
8. Bertanggungjawab mengendalikan mana-mana rancangan atau projek dan tugas-tugas lain yang tertentu sebagaimana diarahkan;



9. Jika berkenaan, mewakili negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisme dan sebagainya; dan
10. Dalam latihan untuk melibatkan diri sebagai tenaga pengajar atau sebagai pendidik akademik di institusi-institusi dalam atau luar.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

Alamat :	BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA, JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, KEMENTERIAN KESIHATAN, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Emel :	recruitment.ahp@moh.gov.bn
No.Tel :	2383020